



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Shah Alam, 16 Oktober 2023

MAGGI Meraikan Malaysia, Dari Ladang ke Kediaman Keluarga, Dibuat dengan Penuh Bangga oleh Rakyat Malaysia, untuk Rakyat Malaysia

Kempen Sah Malaysia MAGGI menghargai 'air tangan' rakyat Malaysia yang mencipta dan menikmati sajian citarasa Malaysia

Selama lebih lima dekad, MAGGI telah mendapat tempat istimewa dalam kehidupan rakyat Malaysia. Sejak 1969, produk kegemaran ramai seperti Sos Cili dan Mi 2 Minit MAGGI telah menyatu begitu ramai rakyat Malaysia di rumah, dan menjadi sebahagian penting daripada detik-detik indah mereka menikmati hidangan yang lazat. Ikatan istimewa dengan MAGGI telah menyaksikan jenama ini hadir di 9 daripada setiap 10 isi rumah¹, sekali gus membuktikan MAGGI sebagai jenama kegemaran untuk menunjukkan kasih sayang menerusi 'air tangan' yang disediakan dengan sentuhan peribadi dalam setiap hidangan.

Dalam majlis sambutan pada 6 Oktober lalu, MAGGI menzahirkan 'citarasa' Malaysia sebenar menerusi 'air tangan' rakyat Malaysia. Seramai empat penggemar makanan dengan bangganya mengetengahkan 'air tangan' masing-masing dengan menyediakan hidangan lazat menggunakan pelbagai produk MAGGI. Antara yang menarik perhatian ialah gandingan klasik, iaitu *Ayam Masak Merah dengan Nasi Tomato* yang disediakan secara kreatif dengan sentuhan yang lebih sihat; dan juga transformasi sebungkus paket sederhana Mi Asam Laksa MAGGI kegemaran ramai yang diolah menjadi masakan asli Sabah menggunakan ramuan tempatan, *jeruk tuhau*.

'Air tangan' bukan sahaja bermaksud hasil masakan yang lazimnya disediakan untuk orang tersayang, ia juga mencerminkan keprihatinan dan kesungguhan rakyat Malaysia mengeluarkan setiap produk MAGGI. Sememangnya MAGGI dihasilkan oleh rakyat Malaysia, dengan dua kilang pengeluaran di Selangor dan Sarawak, yang bertekad membawakan citarasa tempatan kepada isi rumah di Malaysia.

"Kami amat berbangga dengan seluruh rakyat Malaysia yang telah membina MAGGI dari generasi ke generasi. Daripada peladang Kelab Cili Nestlé yang bekerja dengan sepenuh hati di kawasan Pantai Timur, kepada cef-cef berbakat, rakan-rakan sekerja yang berusaha

¹ Data dari Kantar Worldpanel brand footprint study

gigih di kilang, wakil-wakil jualan, tenaga pekerja promosi produk dan seluruh pasukan komersial kami yang mewakili citarasa terbaik Malaysia, kami amat menghargai jasa anda. Inilah caranya kami dapat membekalkan produk yang memenuhi jangkaan tinggi rakyat Malaysia secara konsisten, dengan penuh kepercayaan dan kasih sayang," kata **En Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad.**

Sempena sambutan ini, MAGGI mengiktiraf beberapa rakan sekerja berdedikasi yang telah berusaha gigih di belakang tabir untuk menyokong jenama kegemaran ramai ini. Antaranya termasuk penanam cili seperti Noraini binti Ismail, yang sentiasa meningkatkan kemahiran dengan teknik perladangan baharu sejak 23 tahun lepas, untuk memastikan tanah yang diusahakannya sentiasa subur dan menghasilkan cili bermutu tertinggi untuk Sos Cili MAGGI, dan Pengurus Jaminan Kualiti Kilang, Mohd Khusaini Bin Awang, yang sepanjang tempoh 27 tahun lepas telah menjamin kualiti dan konsistensi citarasa Mi Kari 2 Minit MAGGI yang digemari rakyat Malaysia. Penghargaan turut diberikan kepada insan-insan lain dengan kisah penuh inspirasi.

"Kami benar-benar bangga dan bersyukur kerana berpeluang menjadi jenama sebutan ramai di Malaysia. MAGGI telah mencipta banyak kenangan indah dan manis bagi rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat, menerusi produk yang memberikan citarasa yang digemari ramai. Citarasa ini menjadi kebanggaan jenama MAGGI kerana ia merupakan '*air tangan*' rakyat Malaysia. Merekalah yang menyediakan sajian dengan penuh kasih sayang dan sentuhan peribadi, yang amat kami hargai. Baik *MAGGI Kari telur pecah* yang mudah dimasak untuk orang tersayang mahupun *Nasi Beriani Ayam* untuk majlis kenduri yang menghimpunkan seisi keluarga, semuanya bertujuan mencetus kenangan manis yang dikongsi bersama. Inilah yang menjadikan MAGGI jenama sebenar Malaysia, yang dibuat oleh rakyat Malaysia, untuk rakyat Malaysia," tambah **Cik. Ivy Tan, Pegawai Eksekutif Perniagaan MAGGI, Nestlé (Malaysia) Berhad.**

Sepanjang tempoh sambutan ini, MAGGI menyeru rakyat Malaysia untuk berkongsi kisah '*Air Tangan*' mereka sendiri dengan *hashtag* #MAGGIAirTanganKita dan *tag* @maggi.malaysia. Hantaran boleh dibuat dalam bentuk gambar atau video yang memaparkan resipi kegemaran atau detik indah dalam kehidupan mereka melibatkan mana-mana produk MAGGI.

Untuk maklumat lanjut tentang **kempen MAGGI® SAH Malaysia**, sila layari <https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-sah-malaysia/>.

Mengenai MAGGI®

MAGGI® ialah jenama makanan No.1 di Malaysia. Misi utamanya adalah untuk mencipta detik-detik indah menyediakan sajian kebahagiaan yang mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Menerusi

pelbagai rangkaian produk dan penyelesaian makanannya, MAGGI® membantu rakyat Malaysia menyediakan sajian makanan masakan rumah yang lazat dan seimbang untuk diri sendiri atau keluarga mereka setiap hari. Jenama ini juga komited untuk memenuhi keperluan pengguna yang sentiasa berubah, menyediakan penyelesaian inovatif daripada mi kepada produk kulineri, yang akan terus mencerikan dan memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia memasak makanan segar yang digemari dan diyakini mereka. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.maggi.my atau ikuti halaman Facebook kami di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456
+6012-235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Eugenie Lim

MSL Group

Tel: (+603) 2025 4211
+6016 387 0846

E-mel: eugenie.lim@mslgroup.com